

Faktor Penerimaan Pesawah-Pesawah terhadap Adaptasi Sistem Kelompok

Muhammad Imran Kifli¹, Eta Wahab^{1,*}, Alina Shamsuddin¹, Nor Hazana Abdullah¹, Wan Nurul Karimah Wan Ahmad¹ & Shazaitul Azreen Rodzalan¹

¹Jabatan Pengurusan dan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA.

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2023.04.01.018>

Received 31 March 2023; Accepted 30 April 2023; Available online 01 June 2023

Abstract: The purpose of the group farming system is to ensure that effectiveness and efficiency of farm operations. However, the level of the acceptance or adoption the group farming system among farmers in Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar was initially low because some farmers refused to use latest farming system and want to remain with traditional method. Previous research found that there are several factors that could improve the acceptance of a system. The main purpose of this study are to identify the level of acceptance of group farming system adaptation among farmers, to identify the factors that affect the acceptance of group farming system adaptation among farmers and to determine the dominant factor that affect the acceptance of group farming system adaptation among farmers in Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar. This is a quantitative study that used a questionnaire as a research instrument. A total of 73 sets of questionnaires were distributed to the farmers, and only 60 sets of forms were returned, for a return rate of 82.19%. The results of the study found that the level of acceptance among farmers towards the adaptation of the group farming system is high. This study also found that perceived usefulness, perceived trust and top management support are factors that will affect the acceptance of farmers towards group farming system, while the dominant factor that affects the acceptance of farmers towards the adaptation of the group farming system is the factor of perceived usefulness

Keywords: Group farming system, Adoption, Perceived usefulness, Perceived trust, Top management support

Abstrak: Tujuan sistem kelompok dilaksanakan adalah untuk memastikan aktiviti penanaman padi dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan efisien. Namun, tahap penerimaan sistem kelompok di kalangan pesawah di Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar pada awalnya rendah kerana segelintir pesawah enggan menggunakan sistem pertanian terkini dan mahu kekal dengan kaedah tradisional atau sistem yang lama. Kajian terdahulu mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang dapat membantu meningkatkan penerimaan sesuatu sistem. Tujuan utama kajian ini

dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap penerimaan pesawah-pesawah padi terhadap adaptasi sistem kelompok, mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan-pesawah pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok dan mengenalpasti faktor dominan yang mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok di Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Sebanyak 73 set borang soal selidik diedarkan kepada para pesawah dan hanya 60 set borang sahaja yang dikembalikan dengan kadar pulangan sebanyak 82.19%. Dapatan hasil kajian mendapati tahap penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok adalah tinggi. Kajian ini juga mendapati bahawa faktor tanggapan kebergunaan, faktor kepercayaan dan faktor sokongan pengurusan atasan boleh mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok. Manakala faktor dominan yang mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok adalah faktor tanggapan kebergunaan.

Kata Kunci: Sistem Kelompok Pesawah, Adaptasi, Tanggapan Kebergunaan, Tanggapan Kepercayaan, Sokongan Pengurusan Atasan

1. Pengenalan

Pertanian memberikan impak yang sangat penting dalam kehidupan dan pembangunan ekonomi. Tidak seperti aktiviti ekonomi lain, pertanian sangat penting untuk kelangsungan hidup manusia. Menurut Ali *et al.* (2012) manusia memerlukan makanan untuk meneruskan kehidupan dan aktiviti pertanian adalah asas kepada ekosistem dan pembangunan luar bandar. Sektor pertanian amat penting untuk ekonomi negara Malaysia kerana ia menyumbang kepada pendapatan negara. Sebagai contoh, komoditi makanan yang penting di Malaysia adalah tanaman padi yang memperlihatkan kepentingan sektor pertanian khususnya penanaman padi kepada negara. Bagi memastikan bekalan makanan utama seperti beras mencukupi, kerajaan telah melaksanakan beberapa Dasar seperti Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) pada 1984, Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2) pada tahun 1992, Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) pada tahun 1998 dan juga diikuti Dasar Agromakanan Negara (DAN) pada tahun 2011 serta Dasar Komoditi Negara (DKN) pada tahun 2011 (Man, 2008). Penggunaan inovasi teknologi pertanian boleh berperanan untuk meningkatkan produktiviti aktiviti pertanian melalui penggunaan teknologi yang sedia ada atau dengan membangunkan inovasi teknologi (Indraningsih, 2015). Inovasi boleh memberi peluang kepada pengeluar pertanian untuk meningkatkan produktiviti. Perkara ini dapat membantu memastikan daya maju jangka panjang dan mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar. Salah satu inovasi teknologi pertanian yang boleh dilakukan adalah melalui sistem kelompok.

Kelompok tani ditakrifkan secara meluas sebagai kerjasama antara dua atau lebih petani dalam pengeluaran hasil tanaman (Bartholomeus dan Powell, 1979). Kelompok tani (group farming) atau sistem kelompok merupakan organisasi yang terdiri daripada petani yang menjalankan aktiviti atau operasi ladang, perniagaan tani yang dimana aktiviti tersebut diuruskan sendiri (Man, 2008). Kelompok tani di Malaysia kebanyakannya ditubuhkan di kawasan jelapang padi di seluruh negara. Sistem kelompok dilaksanakan bertujuan untuk memastikan aktiviti penanaman padi dapat dilakukan dengan lebih cekap dan efisien. Hal ini lantaran kerana petani di bawah kelompok tani atau sistem kelompok ini akan bekerjasama menjalankan aktiviti penanaman padi secara berjadual dan teratur serta bersistematik untuk mengecapi tahap kecekapan ekonomi pengurusan sawah padi. Pengadaptasian sistem kelompok ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama antara pesawah. Agensi kerajaan yang terlibat banyak memantau segala perjalanan dan pengurusan sesebuah kelompok pada masa sekarang (Man, 2008).

Terdapat banyak kebaikan jika sistem kelompok dalam penanaman padi dapat diadaptasi. Antara kebaikan sistem kelompok ialah dapat meningkatkan produktiviti, mengatasi masalah seperti kos pengeluaran dan juga pengairan. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih Sungai Balang sebagai kawasan kajian. Pemilihan Sungai Balang adalah kerana pendaftaran pesawah yang berdaftar dengan BERNAS di Negeri Johor merupakan yang paling sedikit penubuhan kelompok pesawah di Malaysia berbanding negeri lain. Kajian awalan mendapati tahap penerimaan sistem kelompok di kalangan pesawah di Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar pada adalah rendah kerana segelintir pesawah enggan menggunakan sistem pertanian terkini dan mahu kekal dengan kaedah tradisional atau sistem yang lama. Ianya dapat disokong dengan hasil sesi temu bual bersama Ketua Kampung di Kampung Sawah Sungai Balang, Muar yang berpandangan bahawa pada awalnya pesawah-pesawah sukar menerima sistem kelompok kerana sudah terbiasa dengan sistem yang lama. Berbanding dengan sistem tradisional di mana tiada penyeragaman aktiviti penanamana padi dalam kalangan pesawah, sistem kelompok ini pula menekankan kepada penyeragaman segala aktiviti penanaman padi dalam kalangan pesawah.

Kajian lepas yang telah dilakukan mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang dapat membantu meningkatkan penerimaan sesuatu sistem. Antara faktor tersebut adalah tanggapan kebergunaan, tanggapan kepercayaan dan sokongan pengurusan atasan. Oleh itu kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap penerimaan pesawah-pesawah padi terhadap adaptasi sistem kelompok serta faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penerimaan pesawah pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok serta mengenalpasti faktor dominan yang mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok di Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar.

2. Kajian Literatur

2.1 Penerimaan

Menurut kamus di atas talian Encyclopedia Britannica (n.d.), penerimaan membawa maksud perbuatan menerima sesuatu atau seseorang. Chismar dan Wiley-Patton (2003) mentakrifkan penerimaan sebagai niat untuk mengadaptasi sesuatu aplikasi, manakala Ausserer dan Risser (2005) pula mendefinisikan penerimaan sebagai fenomena yang mencerminkan sejauh mana pengguna berpotensi bersedia menggunakan sistem tertentu.

2.2 Model Penerimaan Teknologi (TAM)

Davis (1989) telah membangunkan Model Penerimaan Teknologi (TAM) yang mana ia meramalkan kepenggunaan dan penerimaan sistem maklumat dan teknologi oleh sesuatu pengguna atau individu. TAM telah diaplikasikan dan disahkan secara meluas oleh kajian berbeza yang mengkaji tingkah laku penerimaan teknologi individu dalam bentuk sistem maklumat yang berbeza. Tanggapan kebergunaan dan tanggapan kemudahan merupakan dua faktor atau pemboleh ubah yang telah dibangunkan oleh beliau dalam menentukan penerimaan pengguna terhadap sesuatu teknologi baru atau aplikasi itu.

Di dalam TAM, terdapat lima elemen iaitu tanggapan kebergunaan, tanggapan kemudahan, sikap terhadap penggunaan, niat bertingkah laku dan penggunaan sebenar sistem. Faktor-faktor luaran mempengaruhi tanggapan kebergunaan dan tanggapan kemudahan. Model TAM menyatakan bahawa tanggapan kebergunaan dan sikap terhadap penggunaan daripada penggunaan sesuatu sistem akan mempengaruhi niat bertingkah laku manakala penggunaan sebenar sistem pula ditentukan oleh niat bertingkah laku. Teori ini juga menyatakan bahawa tanggapan kemudahan mempengaruhi tanggapan kebergunaan. Oleh hal demikian ia merupakan satu keperluan untuk pengguna melihat sistem sebagai sesuatu perkara bermanfaat atau sekiranya ia sukar digunakan maka mereka tidak akan cuba untuk menggunakan atau mengadaptasikannya.

2.3 Sistem Kelompok

Sistem kelompok tani adalah salah satu inisiatif kerajaan bagi meningkatkan hasil tanaman padi yang berkualiti tinggi melalui pengurusan yang lebih cekap. Sistem ini juga lebih menjimatkan masa dan tempoh penanaman padi. Ia juga mampu memupuk kerjasama antara pesawah dalam menjalankan operasi sawah secara berjadual dan sistematik. Menurut Syarifudin (2020) kelompok tani adalah sebuah kumpulan dari pekebun, pesawah atau penternak, yang dibentuk atas dasar kepentingan bersama, dalam lingkungan sosial yang sama, mempunyai sumber daya, dan berkomunikasi bersama serta akrab bagi meningkatkan kualiti dan mengembangkan usaha ahli kumpulan. Kelompok tani juga adalah strategi pemangkin ekonomi setempat di mana sekumpulan pesawah yang mempunyai kepentingan bersama berbincang dan sama- masa bekerjasama.

Sistem kelompok tani mempunyai banyak tujuan antaranya ia dapat membentuk ahli kelompok tani menjadi lebih berdikari dan cekap. Sistem ini juga dapat memberikan manfaat secara optimal dan semua sumber peruntukkan tersedia. Sistem ini juga mampu membantu menyelesaikan permasalahan di kalangan ahli kelompok tani. Seterusnya, ia juga dapat membantu kelompok tani menambahkan ilmu pengetahuan pesawah seiring dengan perubahan zaman.

Menurut Syarifudin (2020) terdapat beberapa fungsi dan peranan kelompok tani berdasarkan teori pembangunan pertanian. Pertama, berperanan sebagai satu pasukan yang bekerjasama rapat seperti keluarga sendiri. Ahli kelompok tani perlu bekerjasama dalam memastikan segala permasalahan dapat diselesaikan bersama. Peranan kedua ialah sebagai saluran maklumat. Setiap aktiviti proses penghasilan padi dipantau dan segala permasalahan yang timbul disampaikan kepada pegawai pertanian, Selain itu, penyediaan kursus, teknik dan juga latihan bagi meningkatkan produktiviti juga turut dikongsi. Peranan ketiga ialah muafakat penghasilan produk. Pelbagai fasiliti dan alat memproses produk disediakan oleh dan ahli-ahli pula menyediakan peralatan seperti traktor dan dron semburan racun. Peranan terakhir pemangkin usahasama. Kelompok dapat membantu hasil keluaran sentiasa lancar dalam pemasaran padi dan dapat memberikan maklumat dalam memanfaatkan peluang serta kesempatan mereka untuk berusaha dalam meningkatkan kehidupan harian mereka. Sesetengah kelompok dapat bekerjasama dengan ahlinya untuk memasarkan hasil keluaran dipamerkan ke tempat yang boleh menjadi destinasi pelancongan

Menurut Man (2008) kelompok ialah kumpulan yang dibentuk untuk menjalankan aktiviti penanaman padi di mana para pesawah akan melakukan aktiviti sawah secara sebelah menyebelah. Aktiviti pesawah seperti penanaman dan penuaian akan dilakukan pada waktu yang sama dan ianya dirancang dan disusun oleh jawatankuasa kelompok. Ada kalanya juga jawatankuasa akan mengendalikan urusan seperti pemilihan kontraktor mesin jentuai dan pembajak. Segala perancangan penanaman atau jadual aktiviti penanaman padi telah ditetapkanakan diikuti para peserta dan juga akan mengambil hasil daripada jualan padi sendiri.

2.4 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penerimaan Sesuatu Sistem

Tanggapan kebergunaan merupakan antara faktor yang mempengaruhi penerimaan seseorang terhadap sesuatu sistem. Menurut Davis (1989), tanggapan kebergunaan ditakrifkan sebagai sejauh mana kepercayaan pengguna dalam kebergunaan sesuatu teknologi akan dapat meningkatkan prestasi kerja seseorang individu serta mampu meningkatkan prestasi kerja atau kehidupan pengguna. Tanggapan kebergunaan juga ditakrifkan sebagai apabila seseorang itu mempunyai kecenderungan untuk menggunakan atau mengadaptasi sesuatu aplikasi dan mempercayai bahawa tanggapan ini akan membantunya dalam melakukan kerja dengan lebih cekap (Indarsin & Ali, 2017).

Di samping itu, hasil kajian daripada Alipour *et al.* (2019) mendapati bahawa faktor tanggapan kebergunaan merupakan antara faktor yang mempengaruhi penerimaan sistem maklumat hospital. Melalui kajian beliau tanggapan kebergunaan merujuk kepada kepercayaan subjektif pengguna tentang keberkesanan sistem maklumat hospital untuk meningkatkan prestasi kerjanya dalam kemudahan

penjagaan kesihatan. Hasil kajian beliau mendapati bahawa pengguna merasakan bahawa sistem maklumat hospital berguna dalam meningkatkan produktiviti, prestasi dan keberkesanan pekerjaan mereka. Ia memperlihatkan tanggapan kebergunaan sebagai sejauhmana pengguna sesuatu sistem itu percaya bahawa dengan menggunakan sistem itu dapat membantu mereka untuk memenuhi keperluan matlamat individu atau organisasi.

Faktor tanggapan kepercayaan pula merupakan antara faktor yang mempengaruhi penerimaan seseorang terhadap sesuatu sistem. Kepercayaan ditakrifkan sebagai pergantungan yang terjamin pada watak, keupayaan, kekuatan, atau kebenaran seseorang atau sesuatu, dan pergantungan pada sesuatu pada masa hadapan (Merriam-Webster, n.d.). Walau bagaimanapun, definisi kepercayaan telah diterokai oleh ramai penyelidik dalam pelbagai konteks yang menyebabkan terhasilnya sejumlah besar pengetahuan yang memetik banyak definisi. Antaranya adalah kajian yang telah dilakukan oleh Lee *et al.* (2011) kepercayaan ditakrifkan sebagai untuk mengawal hubungan sosial di kalangan individu dan mengurangkan ketidakpastian tingkah laku manusia.

Dalam pada itu, hasil kajian daripada Singh dan Sinha (2020) mendapati bahawa faktor tanggapan kepercayaan merupakan antara faktor yang mempengaruhi penerimaan peniaga dalam penggunaan e-wallet. Peniaga lebih suka menggunakan aplikasi dompet mudah alih atau e-wallet apabila mereka diberikan jaminan bahawa penggunaan e-wallet atau dompet mudah alih boleh dipercayai, berguna, dan pembayaran serta transaksi mereka akan diproses tanpa sebarang ralat dan penipuan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa peniaga memerlukan kepercayaan untuk menggunakan sistem pembayaran mudah alih seperti e-wallet. Kajian tersebut dapat dikaitkan dengan kajian yang dijalankan oleh Hayashi dan Bradford (2014) mendapati bahawa peniaga mengambil berat tentang isu keselamatan dan privasi sistem dan percaya bahawa isu tersebut menjejaskan kepercayaan peniaga dan pengguna terhadap perkhidmatan dompet mudah alih atau e-wallet.

Akhir sekali, sokongan pengurusan atasan merupakan antara faktor yang mempengaruhi penerimaan sesuatu sistem. Menurut Al-Mamary dan Shamsuddin (2015), sokongan pengurusan atasan ditakrifkan sebagai tahap pengurusan atasan yang memahami kepentingan sesuatu sistem, dan dapat memastikan peruntukan sumber yang mencukupi untuk menyokong dan menggalakkan pengguna akhir menggunakan atau menerima sesuatu sistem atau teknologi tersebut. Selain itu, menurut kajian daripada Demoulin dan Coussement (2020) sokongan pengurusan atasan menunjukkan tahap di mana pengurusan atasan memahami kepentingan penggunaan sistem analisis teks dan terlibat dalam projek pelaksanaan sistem analisis teks. Dalam erti kata lain, sokongan pengurusan atasan adalah antara faktor untuk kejayaan dalam pelaksanaan sesuatu sistem. Jika pengurusan atasan bersemangat menyokong sesuatu sistem tertentu, ia akan memberikan impak kepada sesuatu firma dan pekerja iaitu lebih proaktif dalam menerima pakai sesuatu sistem tersebut.

Dapat disimpulkan bahawa faktor tanggapan kebergunaan, faktor kepercayaan dan faktor sokongan pengurusan atasan boleh mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian membincangkan berkaitan kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian serta memperoleh keputusan yang menjawab persoalan kajian. Dalam bahagian ini, terdapat perkara-perkara seperti reka bentuk kajian, proses kajian, populasi, persampelan, instrument kajian, kaedah pengumpulan data, kajian rintis dan kaedah menganalisis data yang dipilih dengan teliti untuk menjawab objektif kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif. Menurut Bhandari (2021), kajian kuantitatif merupakan proses mengumpul dan menganalisis data. Di samping itu, kaedah ini juga digunakan untuk mencari corak dan purata, membuat ramalan, menguji perhubungan diantara sebab dan akibat.

3.2 Populasi Kajian

Menurut Bhandari (2022), populasi bermaksud keseluruhan kumpulan yang ingin diselidik siasat bagi menjawab persoalan kajian. Dalam konteks kajian ini, pesawah-pesawah di Kampung Sawah Sungai Balang, Muar telah digunakan sebagai persampelan. Populasi kajian bagi kaedah soal selidik untuk penyelidikan ini adalah pesawah di Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar. Populasi pesawah di Kampung Sawah Sungai Balang adalah seramai 93 orang pesawah yang berdaftar.

3.3 Persampelan Kajian

Kaedah persampelan sampel rawak mudah digunakan bagi menentukan persampelan di dalam dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik diedarkan kepada pesawah-pesawah di Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar. Berdasarkan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel yang sesuai bagi kajian ini adalah seramai 73 pesawah di Kampung Sawah Sungai Balang, Muar yang terlibat sebagai responden bagi kajian ini.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah borang soal selidik yang di mana ianya bertujuan untuk mengumpul maklumat dari para responden yang terlibat. Dalam borang soal selidik ini terdapat tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A adalah mengenai maklumat demografi responden yang mempunyai lima item. Bahagian B pula mengenalpasti tahap penerimaan pesawah-pesawah padi terhadap adaptasi sistem kelompok di Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar manakala untuk Bahagian C adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok di Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar yang dirujuk daripada kajian Davis (1989) dan Gao *et al.* (2011) yang mengandungi pilihan jawapan bagi setiap soalan di bahagian B dan bahagian C adalah dengan menggunakan kaedah Skala Likert Lima-Mata (1-Sangat Tidak Setuju, 2-Tidak setuju, 3-Tidak Pasti, 4-Setuju, 5-Sangat Setuju).

3.5 Pengumpulan Data

Data primer ialah jenis data yang dikumpul oleh penyelidik terus daripada sumber utama melalui temu bual, tinjauan, eksperimen. Data primer yang diperolehi melalui kaedah temu bual bersama Ketua Kampung bagi mendapatkan maklumat berkaitan sistem kelompok. Borang soal selidik juga diedarkan dalam kalangan pesawah-pesawah untuk mendapatkan maklumat berkenaan penerimaan pesawah terhadap sistem kelompok.

Data sekunder didapati daripada jurnal kajian lepas dan laman web bagi mendapatkan data secara terperinci. Sumber data sekunder termasuk buku, artikel jurnal, laporan, tesis, akhbar, laman web, dan sebagainya. Misalnya, penyelidik menggunakan data sekunder seperti jurnal pendidikan di atas talian yang didapati di web iaitu Scopus, Sciencedirect, Emerald Insight, Scholar dan sebagainya.

3.6 Kajian Rintis

Kajian rintis, juga dipanggil kajian 'kebolehlaksanaan', ialah kajian awal berskala kecil yang dijalankan sebelum sebarang penyelidikan kuantitatif berskala besar dijalankan untuk menilai potensi projek berskala penuh masa hadapan (Simkus, n.d.). Menurut Simkus (n.d.) juga kajian rintis adalah peringkat asas dalam proses penyelidikan. Ia boleh membantu mengenal pasti isu reka bentuk dan

menilai kebolehlaksanaan, kepraktisan, sumber, masa dan kos kajian sebelum penyelidikan utama dijalankan. Ujian rintis ini dilaksanakan bagi tujuan untuk menguji kefahaman responden terhadap soalan-soalan yang disediakan oleh penyelidik. Seramai 10 orang responden telah dipilih untuk menjalankan kajian rintis ini.

3.7 Kesahihan dan Kebolehpercayaan

Dalam kajian ini, kebolehpercayaan borang kaji selidik ditentukan melalui nilai kebolehpercayaan kajian yang diperolehi. Sesuatu pengukuran dianggap boleh dipercayai jika keputusan yang sama boleh dicapai secara konsisten dengan menggunakan kaedah yang sama. Nilai Cronbach Alpha yang kurang daripada 0.6 dikenalpasti sebagai lemah, manakala nilai Cronbach Alpha 0.7 dan ke atas adalah diterima dan jika nilai Cronbach Alpha 0.8 dan ke atas adalah bermaksud sangat baik.

3.8 Analisis Data

Analisis data telah dilakukan setelah hasil soal selidik diperolehi. Hasil daripada penganalisaan, pengolahan dan penemuan yang dibuat, penulisan laporan lengkap akan dijalankan. Hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada soal selidik akan dikumpul dan dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Setiap persoalan kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif. Analisis deskriptif menggunakan peratusan, min dan sisihan piawai digunakan dalam kajian ini. Terdapat tiga tahap skor min iaitu rendah, sederhana dan tinggi yang dikenalpasti dalam kajian ini. Min adalah purata dengan mencampurkan semua skor dibahagi dengan jumlah responden dan item. Julat skor min antara 1.00 hingga 2.33 menunjukkan tahap yang rendah manakala 2.33 hingga 3.67 adalah tahap yang sederhana dan 3.68 hingga 5.00 menunjukkan tahap yang tinggi.

4. Dapatan Kajian

4.1 Kadar pemulangan

Sebanyak 73 set borang soal selidik telah diedarkan kepada para pesawah yang terlibat. Namun, hanya 60 set borang soal selidik sahaja yang dikembalikan semula dan secara keseluruhannya memperoleh kadar pemulangan sebanyak 82%.

4.2 Analisis Kebolehpercayaan

Jumlah item yang diukur di dalam borang soal selidik ialah sebanyak 17 item yang terdiri daripada 4 item bagi tahap penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok (Palvia, 1996) dan 13 item bagi faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok Davis (1989), Gao *et al.* (2011), dan Carlos Roca (2009).

(a) Kajian rintis

Jadual 1: Statistik kebolehpercayaan kajian rintis

Pembolehubah	Cronbach's Alpha	No. Item
Tahap Penerimaan Pesawah - Pesawah Terhadap Adaptasi Sistem Kelompok	0.873	4
Tanggapan Kebergunaan	0.981	5
Tanggapan Kepercayaan	0.881	5
Sokongan Pengurusan Atasan	0.727	3
Keseluruhan	0.933	17

Berdasarkan jadual 1, seramai 10 orang pesawah dipilih secara rawak yang terlibat dalam kajian rintis ini untuk menguji kefahaman responden terhadap soalan borang soal selidik. Skor keseluruhan Cronbach's Alpha bagi kajian rintis ialah sebanyak 0.933. Ini menunjukkan bahawa skor tersebut mencapai tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima.

(b) *Kajian sebenar*

Jadual 2: Statistik kebolehpercayaan kajian sebenar

Pembolehubah	Cronbach's Alpha	No. Item
Tahap Penerimaan Pesawah-Pesawah Terhadap Adaptasi Sistem Kelompok	0.903	4
Tanggapan Kebergunaan	0.954	5
Tanggapan Kepercayaan	0.933	5
Sokongan Pengurusan Atasan	0.840	3
Keseluruhan	0.968	17

Berdasarkan jadual 2, Skor keseluruhan Cronbach's Alpha bagi kajian sebenar ialah sebanyak 0.968. Ini menunjukkan bahawa skor tersebut mencapai tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima.

4.3 Analisis Deskriptif Demografi

Berdasarkan analisis demografi, majoriti responden ialah lelaki iaitu sebanyak 76.7% dan dalam lingkungan umur 60 tahun dan ke atas iaitu sebanyak 38.3%. Selain itu, majoriti responden telah berkahwin (85%) mempunyai tahap pendidikan di peringkat SPM iaitu sebanyak 65%, berpendapatan di antara RM1000 hingga RM3999 dengan peratusan sebanyak 56.7% dan mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang pertanian selama 15 tahun dan ke atas iaitu sebanyak 50%.

4.4 Analisis Deskriptif Tahap Penerimaan Pesawah-Pesawah Terhadap Adaptasi Sistem Kelompok

Jadual 3 : Analisis deskriptif tahap penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok

Item-item	Min	Sisihan Piawai	Penilaian
Saya percaya pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual adalah munasabah.	4.0167	0.79173	Tinggi
Saya percaya kualiti kehidupan saya pada masa hadapan dapat diperbaiki apabila mengambil bahagian dalam sistem kelompok secara berjadual.	4.1167	0.86537	Tinggi
Saya yakin bahawa pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual membantu saya mengatasi masalah ketika bersawah.	4.0333	0.97366	Tinggi
Secara keseluruhan, saya berpuas hati dengan pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual.	3.9333	1.02290	Tinggi
Jumlah	4.0250	0.80741	Tinggi

Berdasarkan Jadual 3 min bagi keseluruhan tahap penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok ialah 4.0250 dengan sisihan piawai 0.80741. Ini menunjukkan bahawa tahap penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok adalah tinggi.

4.5 Analisis Deskriptif Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penerimaan Pesawah-Pesawah Terhadap Adaptasi Sistem Kelompok

(a) Tanggapan kebergunaan

Jadual 4 : Analisis deskriptif tanggapan kebergunaan

Item-item	Min	Sisihan Piawai	Penilaian
Pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual membantu saya bersawah dengan lebih efisien.	4.2000	0.81926	Tinggi
Pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual akan membantu meningkatkan hasil tanaman padi.	4.2333	0.78905	Tinggi
Pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual akan membantu saya bersawah dengan lebih berkesan.	4.2667	0.73338	Tinggi
Pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual akan memudahkan aktiviti bersawah	4.2500	0.75071	Tinggi
Pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual dapat diterima sekiranya saya diberikan maklumat yang jelas	4.1667	0.71702	Tinggi
Jumlah	4.2233	0.70069	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4 di atas soalan ketiga telah mendapat min tertinggi dengan nilai sebanyak 4.2667 iaitu 'Pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual akan membantu saya bersawah dengan lebih berkesan' manakala min yang terendah ialah 4.1667 iaitu 'Pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual dapat diterima sekiranya saya diberikan maklumat yang jelas'. Akhir sekali, jumlah min bagi keseluruhan faktor tanggapan kebergunaan ialah 4.2233 dengan sisihan piawai 0.70069. Ini menunjukkan bahawa faktor tanggapan kebergunaan terhadap sistem kelompok boleh mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok.

(b) Tanggapan Kepercayaan

Jadual 5 : Analisis deskriptif tanggapan kepercayaan

Item-item	Min	Sisihan Piawai	Penilaian
Pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual boleh dipercayai.	4.1333	0.72408	Tinggi
Saya percaya bahawa pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual memberi banyak kebaikan.	4.2500	0.67961	Tinggi
Saya berasa yakin dengan pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual.	4.1833	0.74769	Tinggi
Saya percaya bahawa pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual adalah perlu untuk sawah saya.	4.2500	0.79458	Tinggi
Saya percaya bahawa pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual adalah penting.	4.2667	0.77824	Tinggi
Jumlah	4.2167	0.66209	Tinggi

Jadual 5 di atas menunjukkan soalan kelima telah mendapat min tertinggi dengan nilai sebanyak 4.2667 iaitu 'Saya percaya bahawa pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual adalah penting' manakala min yang terendah ialah 4.1333 iaitu 'Pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual boleh dipercayai'. Jumlah min bagi keseluruhan faktor tanggapan kepercayaan ialah 4.2167 dengan

sisihan piawai 0.66209. Ini menunjukkan bahawa faktor tanggapan kepercayaan terhadap sistem kelompok boleh mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok.

(c) Sokongan Pengurusan Atasan

Jadual 6 : Analisis deskriptif sokongan pengurusan atasan

Item-item	Min	Sisihan Piawai	Penilaian
Pengurusan atasan menggalakkan pesawah mengadaptasi sistem kelompok secara berjadual.	4.2667	0.77824	Tinggi
Pengurusan atasan memantau peningkatan prestasi kerja pesawah yang mengadaptasi sistem kelompok secara berjadual.	3.8833	0.88474	Tinggi
Pengurusan atasan menyampaikan maklumat secukupnya sistem kelompok secara berjadual kepada pesawah.	3.9333	0.89947	Tinggi
Jumlah	4.0278	0.74483	Tinggi

Berdasarkan Jadual 6 di atas, soalan ketiga telah mendapat min tertinggi dengan nilai sebanyak 4.2667 iaitu ‘Pengurusan atasan menggalakkan pesawah mengadaptasi sistem kelompok secara berjadual’ manakala min yang terendah ialah 3.8833 iaitu ‘Pengurusan atasan memantau peningkatan prestasi kerja pesawah yang mengadaptasi sistem kelompok secara berjadual’. Jumlah min bagi keseluruhan faktor sokongan pengurusan atasan ialah 4.0278 dengan sisihan piawai 0.74483. Ini menunjukkan bahawa faktor sokongan pengurusan atasan mempunyai peranan yang besar terhadap penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok.

Jadual 7 : Ringkasan analisis deskriptif faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok

Item-item	Min	Sisihan Piawai	Penilaian
Tanggapan Kebergunaan	4.2233	0.70069	Tinggi
Tanggapan Kepercayaan	4.2167	0.66209	Tinggi
Sokongan Pengurusan Atasan	4.0278	0.74483	Tinggi

Jadual 7 di atas menunjukkan ringkasan analisis deskriptif faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok. Daripada analisis yang telah dibuat, faktor yang mempunyai nilai purata atau min tertinggi di antara tiga faktor ini ialah tanggapan kebergunaan iaitu 4.2233. Manakala faktor yang mempunyai nilai min terendah iaitu 4.0278 adalah sokongan pengurusan atasan. Oleh itu, faktor dominan yang mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok di Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar adalah faktor tanggapan kebergunaan.

5. Perbincangan dan Kesimpulan

Hasil analisis kajian mendapati bahawa tahap penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok adalah berada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan pesawah-pesawah padi di Kampung Sawah menerima sistem kelompok yang diperkenalkan untuk diadaptasi dalam aktiviti penanaman sawah padi. Tahap penerimaan yang tinggi dalam kalangan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok menunjukkan para pesawah merasakan sistem kelompok ini memenuhi semua keperluan mereka. Hasil dapatan kajian ini disokong oleh Regan *et al.* (2002), yang menyatakan bahawa sesuatu sistem mesti memenuhi semua keperluan supaya ia boleh diterima. Di samping itu, hasil dapatan kajian menunjukkan penerimaan sistem kelompok dapat diterima jika pesawah yakin bahawa pengadaptasian

sistem kelompok secara berjadual dapat membantu mereka mengatasi masalah ketika bersawah. Hal ini dapat dikaitkan dengan kajian yang dilakukan oleh Adell (2009), penerimaan sesuatu perkara atau sistem adalah dengan menekankan kepada penggunaan sebenar sesuatu sistem, yang mungkin dipengaruhi oleh kemahuan untuk menggunakan atau mengadaptasi sesuatu sistem itu.

Kajian ini juga melihat faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok di Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar. Faktor-faktor tersebut adalah faktor tanggapan kebergunaan, faktor kepercayaan dan faktor sokongan pengurusan atasan. Berdasarkan analisis hasil dapatan kajian, faktor tanggapan kebergunaan mencatatkan nilai min dan tahap pusat kecenderungan yang tinggi. Perkara ini menunjukkan pesawah-pesawah di sawah Sungai Balang, Muar berpendapat bahawa sistem kelompok amat berguna untuk mereka lalu mempengaruhi mereka untuk mengadaptasi sistem tersebut untuk aktiviti perladangan sawah mereka. Ia berkait dengan kajian yang dilakukan oleh Ardiansah *et al.* (2020) yang mendapati bahawa sesuatu sistem boleh dikatakan berjaya diterima jika ia mempunyai nilai kebergunaan yang diperlukan oleh pengguna. Ia jelas menunjukkan bahawa tanggapan kebergunaan didapati menjadi penentu dalam penggunaan, penerimaan dan tingkah laku pengguna terhadap sesuatu sistem. Dalam kajian ini, pesawah-pesawah di sawah Sungai Balang merasakan pengadaptasian sistem kelompok secara berjadual memudahkan aktiviti perladangan sawah padi. Disebabkan sistem ini memudahkan pesawah, ia telah mempengaruhi pesawah-pesawah untuk menerima sistem kelompok. Ia terbukti bahawa kepentingan terhadap tanggapan kebergunaan yang di mana semakin tinggi tahap kebergunaan seseorang itu terhadap sesuatu sistem, semakin tinggi niat kemahuan untuk menggunakan sesuatu sistem itu. Tanggapan kebergunaan merupakan antara faktor yang mempengaruhi penerimaan seseorang terhadap sesuatu sistem.. Tanggapan kebergunaan juga ditakrifkan sebagai apabila seseorang itu mempunyai kecenderungan untuk menggunakan atau mengadaptasi sesuatu aplikasi dan mempercayai bahawa tanggapan ini akan membantunya dalam melakukan kerja dengan lebih cekap (Indarsin & Ali, 2017)

Berdasarkan analisis hasil dapatan kajian, faktor tanggapan kepercayaan mencatatkan nilai min dan tahap pusat kecenderungan yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pesawah-pesawah di sawah Sungai Balang, Muar percaya bahawa sistem kelompok ini akan mendatangkan faedah kepada mereka dan sekali gus mempengaruhi mereka untuk mengadaptasi sistem ini. Kepercayaan merupakan satu elemen penting dalam penerimaan sesuatu perkara. Hal ini kerana kepercayaan memberikan kesan terhadap niat pengguna dalam menggunakan sesuatu sistem atau perkara. Perkara ini dapat dikaitkan dengan kajian yang dilakukan oleh Tarhini *et al.* (2016) yang mendapati bahawa kepercayaan adalah faktor kritikal dalam penerimaan dan penggunaan bukan sahaja sistem E-pembelajaran, tetapi juga semua sistem lain, yang menunjukkan bahawa adalah penting untuk mempunyai strategi kepercayaan yang lebih baik supaya penggunaan atau pengadaptasian sistem ini berlaku dengan lebih pantas. Dapatan kajian ini menunjukkan para pesawah di Sungai Balang percaya bahawa sistem kelompok ini boleh dipercayai dan dapat memberi manfaat kepada pesawah, dan penting untuk dilaksanakan dalam membantu aktiviti penanaman padi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tanggapan kepercayaan mendorong para pesawah menerima sistem kelompok disebabkan mereka percaya faedah yang akan diperolehi jika mengadaptasi sistem tersebut.

Berdasarkan analisis hasil dapatan kajian, faktor sokongan pengurusan atasan juga mencatatkan nilai min dan tahap pusat kecenderungan yang tinggi. Perkara ini menunjukkan bahawa sokongan pengurusan atasan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap pengadaptasian sistem kelompok dalam kalangan pesawah di Sungai Balang, Muar. Hasil kajian ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Demoulin dan Coussement (2020) yang menyatakan sokongan pengurusan atasan adalah antara faktor untuk kejayaan dalam pelaksanaan sesuatu sistem. Dapatan kajian ini mendapati pengurusan atasan memainkan peranan untuk mengalakkan pesawah mengadaptasi sistem kelompok secara berjadual, memantau prestasi kerja pesawah dan menyampaikan maklumat berkenaan sistem kelompok kepada pesawah. Ia jelas menunjukkan sekiranya pihak pengurusan atasan Sungai Balang memainkan peranan mereka dalam

menyokong atau membantu pesawah-pesawah, maka ia akan menggalakkan para pesawah untuk menerima pengadaptasian sistem kelompok tersebut.

Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan, faktor tanggapan kebergunaan merupakan faktor dominan yang mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok di Kampung Sawah, Sungai Balang, Muar. Hal ini lantaran kerana nilai min yang dicatatkan bagi faktor tanggapan kebergunaan merupakan yang tertinggi nilainya berbanding nilai min bagi faktor-faktor yang lain. Ini menunjukkan para pesawah berpendapat sistem kelompok mempunyai nilai kegunaan yang tinggi dan ini mempengaruhi sikap mereka untuk menerima sistem kelompok. Menurut kajian yang dilakukan oleh Alipour *et al.* (2019) jika sesuatu sistem itu mempunyai nilai kegunaan yang mampu memberikan kelebihan atau dapat membantu untuk memenuhi keperluan matlamat individu atau organisasi, maka mereka akan menggunakan sesuatu sistem tersebut. Oleh itu, jika sesuatu sistem itu dapat memudahkan pengguna, semakin besar kemungkinan seseorang itu menganggap sesuatu sistem itu berguna .

Daripada hasil keseluruhan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa tahap penerimaan pesawah-pesawah padi terhadap adaptasi sistem kelompok adalah tinggi. Ini menunjukkan pesawah-pesawah dapat menerima sistem kelompok yang diperkenalkan kepada mereka untuk diadaptasi dalam aktiviti perladangan sawah padi. Kajian ini mendapati bahawa faktor dominan yang mempengaruhi penerimaan pesawah-pesawah terhadap adaptasi sistem kelompok ialah faktor tanggapan kebergunaan. Hal ini menunjukkan pesawah-pesawah merasakan bahawa sistem kelompok yang diadaptasi berguna kepada mereka. Faktor-faktor yang lain yang mempengaruhi pesawah untuk menggunakan sistem kelompok adalah faktor tanggapan kepercayaan dan sokongan pengurusan atasan. Oleh hal yang demikian jelaslah bahawa sistem kelompok memberi faedah kepada pesawah sekiranya diadaptasi dan diurus dengan cara yang baik. Dapat disimpulkan di sini bahawa pesawah-pesawah di Sungai Balang, Muar mempunyai tanggapan bahawa sistem kelompok yang diperkenalkan sangat berguna kepada mereka kerana ia boleh membantu meningkatkan prestasi kerja serta membantu meningkatkan produktiviti pesawah secara keseluruhan. Diharapkan sistem kelompok dapat membantu pesawah dalam memastikan bahawa operasi sawah dapat dilakukan dengan lebih cekap dalam mencapai hasil padi yang berkualiti tinggi dalam pasaran.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas tajaan Geran Kontrak UTHM dan Kumpulan Fokus Pengurusan Teknologi dan Inovasi, serta Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk segala sokongan yang diberi.

Rujukan

- Adell, E. (2009). Acceptance of driver support systems. *Proceedings of the European Conference on Human Centred Design for Intelligent Transport Systems*, July, 475–486. http://conference2010.humanist-vcce.eu/document/Proceedings/6_Adell.pdf
- Ardiansah, M. N., Chariri, A., Rahardja, S., & Udin, U. (2020). The effect of electronic payments security on e-commerce consumer perception: An extended model of technology acceptance. *Management Science Letters*, 1473–1480. <https://doi.org/10.5267/j.msl.2019.12.020>
- Al-Mamary, Y. H., & Shamsuddin, A. (2015). The impact of top management support, training, and perceived usefulness on technology acceptance. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. <https://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n6s4p11>
- Ali, J., Kamaruddin, R., & Saad, N. M. (2012). Group farming and productivity in the Muda Agricultural Development Authority of Malaysia. *Journal of Business Management and Accounting*, 2(2), 19–34.

- Alipour, J., Mehdipour, Y., & Karimi, A. (2019). Factors Affecting Acceptance of Hospital Information Systems in Public Hospitals of Zahedan University of Medical Sciences: A Cross-Sectional Study. *Journal of Medicine and Life*, 12(4), 403–410. <https://doi.org/10.25122/jml-2019-0064>
- Ausserer, K., & Risser, R. (2005). Intelligent transport systems and services-chances and risks. ICTCT-workshop.
- Bartholomaeus, M. K. & Powell, R. A. (1979). An economic appraisal of group farming. Workshop paper presented at the annual conference of the Australian Agricultural Economic Society, Canberra.
- Bhandari, P. (2021, December 8). *An introduction to quantitative research*. Scribbr. Retrieved May 25, 2022, from <https://www.scribbr.com/methodology/quantitative-research>
- Bhandari, P. (2022, May 3). *Population vs. sample: What's the difference?* Scribbr. Retrieved May 25, 2022, from <https://www.scribbr.com/methodology/population-vs-sample/>
- Bhardwaj, P. (2019). Types of sampling in research. *Journal of the Practice of Cardiovascular Sciences*, 5(3), 157. https://doi.org/10.4103/jpcs.jpcs_62_19
- Blog, F. (2020, January 15). *What is secondary data?* Retrieved May 27, 2022, from <https://www.formpl.us/blog/secondary-data>
- Carlos Roca, J., José García, J., & José de la Vega, J. (2009). The importance of Perceived Trust, security and privacy in online trading systems. *Information Management & Computer Security*, 17(2), 96–113. <https://doi.org/10.1108/09685220910963983>
- Davis, F.D. (1989) Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use and User Acceptance of Information Technology, *MIS Quarterly* (13(3) 319-340.
- Demoulin, N. T. M., & Coussement, K. (2020). Acceptance of text-mining systems: The signaling role of Information Quality. *Information & Management*, 57(1), 103120. <https://doi.org/10.1016/j.im.2018.10.006>
- Encyclopædia Britannica, inc. (n.d.). Encyclopædia Britannica. Retrieved June 9, 2022, from <https://www.britannica.com/dictionary/acceptance>
- Gao, S., Krogstie, J., & Siau, K. (2011). Developing an instrument to measure the adoption of mobile services. *Mobile Information Systems*, 7(1), 45–67. <https://doi.org/10.1155/2011/831018>
- Hayashi, F., & Bradford, T. (2014). Mobile payments: merchants' perspectives i. paymentenvironment and mobile payment technologies. *Journal of Financial Planning and Management*, 33–58. <https://www.kansascityfed.org/XdNVZ/publicat/econrev/pdf/14q2Hayashi-Bradford.pdf>
- Iriani, S. S., & Andjarwati, A. L. (2020). Analysis of perceived usefulness, perceived ease of use, and perceived risk toward online shopping in the era of Covid-19 pandemic. *Systematic Reviews in Pharmacy*, 11(12), 313–320. <https://doi.org/10.31838/srp.2020.12.50>
- Indarsin, T., & Ali, H. (2017). Attitude toward Using m-Commerce: The Analysis of Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, and Perceived Trust: Case Study in Ikens Wholesale Trade, Jakarta-Indonesia. *Saudi Journal of Business and Management Studies*, 2(11), 995–1007. <https://doi.org/10.21276/sjbms.2017.2.11.7>
- Indraningsih, K. S. (2015). Persepsi Petani terhadap Inovasi Teknologi Padi. Panel Petani Nasional: Mobilisasi Sumber Daya Dan Penguatan Kelembagaan Pertanian, 171–189. <https://pse.litbang.pertanian.go.id/ind/index.php/publikasi/buku-tematik/257-panel-petani-nasional-mobilisasi-sumber-daya-dan-penguatan-kelembagaan-pertanian-2015>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Lee, K.-W., Tsai, M.-T., & Lanting, M. C. (2011). From marketplace to marketspace: Investigating the consumer switch to online banking. *Electronic Commerce Research and Applications*, 10(1), 115–125. <https://doi.org/10.1016/j.elerap.2010.08.005>
- Man, N. (2008). Perkembangan projek pengkelompokan pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) (Group farming project development in MADA). *Economic and Technology Management Review*. Vol. 3(2008): 23–36,
- Merriam-Webster. (n.d.). Trust definition & meaning. Merriam-Webster. Retrieved June 2, 2022, from <https://www.merriam-webster.com/dictionary/trust>
- Regan, M. A., Mitsopoulos, E., Haworth, N., Young, K (2002) Acceptability of in-vehicle intelligent transport systems to Victorian car drivers. Report no. 02/02 Monash University Accident Research Centre, Australia.
- Simkus, J. (n.d.). What is a pilot study? What is a Pilot Study? | Definition & Examples - Simply Psychology. Retrieved May 27, 2022, from <https://www.simplypsychology.org/pilot-studies.html>
- Singh, N., & Sinha, N. (2020). How perceived trust mediates merchant's intention to use a mobile wallet technology. *Journal of Retailing and Consumer Services*, 52, 101894. <https://doi.org/10.1016/j.jretconser.2019.101894>
- Klaus, B. & Horn, P. (1986). *Robot Vision*. Cambridge, MA: MIT Press (Example for books)
- Syarifudin, A. (2020). Pelaksanaan Kerjasama Kelompok Tani Dalam Meningkatkan Produktivitas Usaha Tani Prespektif Ekonomi Islam. 1-9.

Tarhini, A. Al-Masri, M., Ali, M. & Serrano, A. (2016) Extending the UTAUT model to understand the customers' acceptance and use of internet banking in Lebanon: A structural equation modeling approach. *Information Technology and People*. 29(4) 830-849